

Article Info:

Published Date: 01 April 2024

*Corresponding Author: ahmadfazleyazid141199@gmail.com

Pewarnaan terhadap Murid Berkeperluan Khas (AUTISME)

Colouring for Students with Special Needs (AUTISM)

Ahmad Fazleyazid

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Shing Chung, Jalan Besar,
31100, Sungai Siput (U), Perak, Malaysia

To cite this article (APA): Fazleyazid, A. (2024). Colouring for Students with Special Needs (AUTISM). *KUPAS SENI*, 12(1), 26–36. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.4.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.4.2024>

ABSTRAK

Pendidikan khas ini merangkumi beberapa kategori keperluan khusus seperti kecacatan fizikal berkaitan pelajar yang mempunyai masalah fizikal, pendidikan kecacatan mental yang melibatkan pelajar dengan kecacatan mental atau pembelajaran, kecacatan emosi yang ada sokongan untuk pelajar dengan masalah tingkah laku dan kecacatan pembelajaran untuk pelajar dengan kesulitan dalam aspek pembelajaran dalam aspek pembelajaran, seperti disleksia atau disgrafia. Pendidikan Khas adalah program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar khas. Bagi pelajar pendidikan khas yang ditempatkan secara berasingan, teknik yang sesuai telah digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Sebagai tambahan kepada teknik pembelajaran yang sesuai, infrastruktur juga telah disediakan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar pendidikan khas ini. Masalah ini saling berkait antara satu sama lain sehingga mereka tidak dapat mengekspresikan perasaan melalui keinginan sehingga mampu menjadikan hubungan dengan orang lain terganggu. Ini kerana, mereka tidak dapat berfikir secara waras dengan manusia normal yang lain dan ia mampu memberi kesan kepada pembelajaran mereka seperti menulis, membaca serta mengenal warna. Beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan termasuk visual stimulation. Pewarnaan dalam pendidikan terhadap murid berkeperluan khas seperti autisme perlu disesuaikan dengan keperluan individu, memastikan persekitaran yang menyokong dan menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai untuk memaksimumkan perkembangan mereka.

Kata Kunci: Warna, Pendidikan khas, Murid autism, Emosi, Visual

ABSTRACT

This special education encompasses several categories of special needs, such as physical disabilities related to students with physical challenges, education for mental disabilities involving students with mental or learning disabilities, emotional disabilities that provide support for students with behavior issues, and learning disabilities for students with difficulties in learning aspects such as dyslexia or dysgraphia. Special Education is a program designed specifically to meet the various needs of special education students. For special education students placed separately, appropriate techniques have been used in the learning and teaching process. In addition to suitable learning techniques, infrastructure has also been provided to facilitate the learning process for these special education students. These issues are interconnected, preventing them from expressing feelings through desires, which can disrupt their relationships with others. This is because they cannot think rationally like other normal humans, and it can affect their learning, such as writing, reading, and recognizing colours. Some aspects to consider include visual stimulation. Colouring in education for students with special needs such as autism needs to be tailored to individual needs, ensuring a supportive environment, and using appropriate learning methods to maximize their development.

Keywords: Colours, Special education, Students with autism, Emotion, Visual

PENGENALAN

Isu pendidikan khas kian menjadi tanda tanya dalam kalangan setiap masyarakat tidak kira usia. Mereka beranggapan bahawa murid berkeperluan khas ini tidak mempunyai masa depan yang cerah dan tidak mampu memberi sumbangan kepada negara. Pendidikan khas merujuk kepada pendidikan yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai kecacatan atau keperluan pembelajaran khusus. Menurut Mohamad dan Yaacob (2013), guru pendidikan khas merupakan guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar kanak-kanak istimewa. Mereka perlu berhadapan dan menangani kerenah kanak-kanak yang mengalami kerencatan mental, bermasalah pembelajaran, bermasalah emosi dan tingkah laku, bermasalah bahasa dan komunikasi, bermasalah fizikal dan kesihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan. Ramin Hajianfard dan Muhamad Firdaus Ramli (2023) menyatakan bentuk dan konsep yang digunakan untuk menciptakan karya diteliti untuk menunjukkan pendekatan dan kecenderungan formal dan konseptual.

Antara cabaran yang perlu ditangani oleh guru pendidikan khas adalah memastikan pelajar khas mempunyai kemahiran pengurusan diri. Ini termasuk dengan program-program yang dirancang untuk menyokong perkembangan pelajar dengan keupayaan fizikal, mental atau emosi yang berbeza. Objektifnya adalah untuk memberikan persekitaran pembelajaran yang menyokong perkembangan holistik pelajar, memastikan setiap individu mendapat akses kepada pendidikan tanpa mengira kebolehan atau kecacatan yang dimilikinya agar peningkatan modal insan untuk murid berkeperluan khas tercapai. Menurut Muhamad Firdaus Ramli, Noor Alhusna Madzlan, Abdul Aziz Zalay @ Zali dan Ridzuan Hussin (2020), terapi seni adalah satu bentuk perlakuan ekspresif yang menggunakan seni kreatif untuk mengawal peringkat mental dan ketidakupayaan emosi.

Pendidikan khas ini merangkumi beberapa kategori keperluan khusus seperti kecacatan fizikal berkaitan pelajar yang mempunyai masalah fizikal, pendidikan kecacatan mental yang melibatkan pelajar dengan kecacatan mental atau pembelajaran, kecacatan emosi yang ada sokongan untuk pelajar dengan masalah tingkah laku dan kecacatan pembelajaran untuk pelajar dengan kesulitan dalam aspek pembelajaran dalam aspek pembelajaran, seperti disleksia dan disgrafia. Ramli (2023) melihat pembangunan diserlahkan, menekankan kesederhanaan, interaktiviti dan kebolehsesuaian mengikut keperluan individu. Program pendidikan khas dapat berlaku di dalam atau di luar persekitaran sekolah bergantung kepada keperluan individu. Guru pendidikan khas biasanya dilatih untuk menyediakan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan unik setiap pelajar. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan setiap pelajar memiliki peluang yang setara untuk berkembang dan mencapai potensi maksimum mereka, bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Kecelaruhan Spektrum Autisme merupakan satu kecelaruhan *neurological* yang memberikan impak negatif kepada komunikasi dan tingkah laku seseorang individu (American Psychiatric Association, 2013). Terminologi spektrum digunakan dalam diagnosis ini kerana setiap individu yang mengalami autisme mempunyai tahap keupayaan dan tahap ketidakupayaan yang berbeza mengikut kepelbagaian manifestasi kecelaruhan yang boleh dilihat seperti umur, keadaan autisme dan perkembangan diri mereka (Raja Juanita, 2016).



Rajah 1: Murid membuat eksplorasi berkaitan warna di dalam kelas.
Sumber: Pengkaji

LATAR BELAKANG PENULISAN

Pendidikan Khas adalah program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan pelajar khas. Pendidikan Khas juga merupakan satu bentuk pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan murid-murid berkeperluan khas (Kauffman & Hallahan, 2006). Manakala menurut Friend dan IDEA (2005), pendidikan khas adalah pengajaran yang direka bentuk khusus bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang kurang upaya. Pengajaran ini mungkin dikelolakan dalam bilik darjah, di rumah, di hospital atau institusi lain. Bagi pelajar pendidikan khas yang ditempatkan secara berasingan, teknik yang sesuai telah digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Ramli (2020b) menjana pengetahuan yang berguna dengan imej visual yang bermotivasi untuk paparan. Sebagai tambahan kepada teknik pembelajaran yang sesuai, infrastruktur juga telah disediakan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar pendidikan khas ini. Infrastruktur adalah kemudahan yang disediakan untuk tujuan pembangunan (Farhan, Hamil, Roslid, Zainal, Kamaruddin & Husin, 2020).

Sistem pendidikan khas di Malaysia berusaha untuk memastikan setiap pelajar mendapat pendidikan yang sesuai dengan keperluan mereka, mempromosikan inklusi dan memupuk perkembangan holistic kepada berkeperluan khas. Antara sekolah khas di Malaysia ialah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) yang memberikan pendidikan khas untuk pelajar berkeperluan khas untuk pelajar dengan kecacatan, Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMKPK). Sekolah Vokasional Khas (SVK), Pusat Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Sekolah-sekolah khas ini bertujuan untuk memberikan pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan setiap pelajar, memastikan mereka memperoleh pengetahuan dan keterampilan yang diperlukan untuk berkembang secara meluas. Di Malaysia, sistem pendidikan khas diperuntukan untuk menyokong keperluan pelajar dengan kecacatan atau keperluan pembelajaran khusus. Antara ciri utama sistem pendidikan khas di Malaysia ialah Pendidikan Khas di Sekolah Biasa iaitu beberapa pelajar berkeperluan khas belajar di dalam kelas biasa dengan sokongan tambahan dari guru pendidikan khas.

Menganalisis ciri-ciri keperluan pembelajaran golongan murid dengan mencadangkan strategi penawaran pembangunan dan penambahbaikan sistem pendidikan oleh Zhang dan Ramli (2023). Ini bertujuan untuk menyertakan pelajar ke dalam persekitaran pembelajaran yang biasa sejauh yang mungkin, Sekolah Pendidikan Khas iaitu terdapat sekolah-sekolah khas yang memberikan pendidikan eksklusif kepada pelajar berkeperluan khas. Sekolah ini menyediakan kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan pelajar, termasuk yang mempunyai kecacatan fizikal, mental emosi atau pembelajaran, Pendidikan Vokasional Khas untuk pelajar dengan kecacatan fizikal dimana terdapat program pendidikan vokasional yang disesuaikan untuk membekali mereka dengan keterampilan yang berguna untuk kehidupan sehari-hari, Perkhidmatan Sokongan Khas yang merupakan sistem dengan perkhidmatan sokongan seperti terjemahan Bahasa, bahan bantu pendengaran untuk membantu dalam pendengaran dan Kurikulum disesuaikan iaitu guru pendidikan khas dilatih untuk merancang dan melaksanakan kurikulum yang disesuaikan dengan keperluan pelajar. Pembelajaran berasaskan warna boleh menjadi alat yang berguna dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar berkeperluan khas, tetapi keberkesanannya berbeza bergantung kepada jenis keperluan khas yang dihadapi oleh murid. Ramli, Musa, Mohd Khairuddin dan Basiron (2020) untuk sebahagian besar menghasilkan gaya tersendiri melalui corak karya seni yang dimanipulasi sebaik mungkin. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan ialah penglihatan dan pemahaman visual, autisme atau kecacatan pembelajaran dan kecacatan auditori. Namun, penting untuk diingatkan bahawa setiap murid berkeperluan khas adalah murid yang unik dan pendekatan pembelajaran yang efektif bervariasi. Guru dan profesional pendidikan khas perlu memahami keperluan setiap murid secara individu dan menyediakan strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Muhamad Firdaus Ramli, Noor Alhusna Madzlan, Abdul Aziz Zalay Zali dan Ridzuan Hussin (2020) aspek imej seni visual ditentukan oleh beberapa perkara yang terlibat dengan parameter seperti psikologi, latar belakang peribadi, aspek sosial dan emosi murid. Selain itu, kesesuaian warna harus diintegrasikan dengan pendekatan pembelajaran yang lebih menyeluruh untuk mencapai keberkesanan optimal.



Rajah 2: Sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.
Sumber: Pengkaji

DEFINISI

Pendidikan khas juga satu program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan murid-murid khas. Perkara ini termasuk penggunaan bahan-bahan khas, peralatan khas, teknik pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap kebolehan dan keupayaan murid. Ramli (2022 a) menyatakan hala tuju pengajaran guru mempunyai kesan langsung terhadap cara murid terkesan terhadap kesejahteraan. Ini yang dilihat mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap pembangunan dasar pendidikan. Pendidikan Khas merujuk pada pendidikan bagi kanak-kanak luar biasa iaitu kanak-kanak yang dari segi intelek, fizikal, sosial dan emosi yang tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa hinggalah mereka tidak faedah sepenuhnya daripada rancangan sekolah biasa. Ia juga merupakan perkhidmatan dan kemudahan pendidikan yang disediakan untuk individu berkeperluan khas, atau kurang upaya, yang terdiri daripada mereka yang mengalami kecacatan mental, bermasalah pembelajaran, gangguan emosi dan tingkah laku, gangguan komunikasi (pertuturan dan bahasa), hilang pendengaran, hilang penglihatan atau darjah penglihatan yang rendah, kecacatan fizikal dan golongan pintar cerdas. Ramli dan Musa (2020 b) pendefinisian makna animasi yang pelbagai berlaku dengan melibatkan parameter dalam psikologi, kehidupan sosial dan budaya seni visual. Peraturan-peraturan pendidikan khas menyediakan pendidikan dan kemudahan untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran, manakala pendidikan khas integrasi pula adalah untuk yang bermasalah pembelajaran, penglihatan dan pendengaran. Muhamad Firdaus, Abdul Aziz dan Nurazry (2019) menyatakan gejala dimanipulasikan dengan sebaik positif mampu mewujudkan penerimaan umum yang berbeza. Ia diwujudkan di peringkat prasekolah, sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik atau vokasional, dengan menggunakan pendekatan pengajaran berasingan dan separa inklusif. Tempoh pengajian bagi sekolah rendah adalah selama enam tahun, manakala bagi sekolah menengah pula selama lima tahun dan dilanjutkan sehingga dua tahun maksimum mengikut keperluan murid. Ramli dan Musa (2020 a) melihat secebis pengetahuan artistik adalah kedudukan untuk menunjukkan bagaimana perkembangan berharga berlaku melalui amalan metafora visual.

Program Pendidikan Khas di Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan menggalakkan perkembangan optima seseorang sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan mampu menguruskan serta menyedari potensi diri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Ramli (2022 b) melihat kepada keadaan generasi muda masa kini yang lebih cenderung kepada aktiviti yang tidak menentu. Program Pendidikan Inklusif telah menjadi matlamat kepada usaha murni untuk memberi peluang pendidikan yang sama kepada semua murid tanpa mengira ketidakupayaan dan kecacatan mereka. Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) adalah untuk memastikan semua sekolah dan murid mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang oleh (Muhammad & Mahmud, 2010)

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Hussein, Nachiappan, Masran dan Khasnan (2020) murid pendidikan khas mengalami masalah pembelajaran sebagai kanak-kanak yang berbeza dengan kanak-kanak normal kerana mereka berisiko untuk memahami, mengingat serta menyimpan maklumat yang disebabkan kelemahan mereka untuk memberi tumpuan di dalam kelas. Ini kerana guru-guru kurang memberi pendedahan terhadap pembelajaran yang melibatkan seni dalam warna untuk menarik minat mereka. Melalui rekaan, persepsi dan kognisi penghayat dapat digabungkan untuk memahami tindakan luaran fizikal aspek sesuatu imej yang disampaikan (Ramli 2019). Ini akan menjejaskan sesi pembelajaran di dalam bilik darjah kerana guru kurang berpengalaman luas dalam peringkat ini. Selain itu, berlakunya kesukaran untuk mengenalpasti ciri-ciri murid berkeperluan khas terutamanya kanak-kanak autisme kerana sistem pendidikan Kelas Khas tidak mengasingkan murid-murid tetapi mencampuradukan semua kategori masalah pembelajaran di dalam satu bilik darjah. Ini akan menyukarkan guru-guru untuk melakukan strategi kepada satu masalah murid kerana satu bilik darjah telah dicampurkan oleh Klein-Horst (2011).

Menurut Fitriani (2023) masalah yang dihadapi oleh murid autisme ialah interaksi sosial, komunikasi dan perilaku. Masalah ini saling berkait antara satu sama lain sehingga mereka tidak dapat mengekspresikan perasaan melalui keinginan sehingga mampu menjadikan hubungan dengan orang lain terganggu. Ini kerana, mereka tidak dapat berfikir secara waras dengan manusia normal yang lain dan ia mampu memberi kesan kepada pembelajaran mereka seperti menulis, membaca serta mengenal warna. Di samping itu, menurut Vianis (2017) guru masih menggunakan pendekatan pembelajaran secara konvensional terhadap pembelajaran seni dalam kalangan pelajar autisme. Ini kerana dunia sekarang telah kearah teknologi moden yang mana pengembangan media dalam pembelajaran seni akan memberikan kemudahan kepada pelajar yang mengalami masalah autisme. Contohnya, guru menggunakan banyak tulisan pada papan putih yang menyebabkan murid autisme ini tidak faham dan lebih cenderung untuk tidak fokus dalam kelas. Menurut Mahsan (2022), guru yang mengajar Murid MBK ini kurang mempunyai kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri yang sangat rendah. Ini kerana kebanyakan guru tiada kemahiran-kemahiran seperti komunikasi, menyelesaikan masalah dan kemahiran komputer yang akan menyukarkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Kesannya, murid MBK ini terutamanya yang mengalami melasah autisme ini tidak berminat untuk ke sekolah malah lebih berminat untuk duduk di rumah. Mata pelajaran seni penting kerana ia dapat menggalakkan murid menjalankan pelbagai aktiviti dengan menggunakan pelbagai media dan teknik yang bebas membuatkan mampu berfikir secara kreatif. Akhir sekali, Halim dan Tahar (2020) menyatakan bahawa guru yang mengajar murid MBK ini terutamanya murid autisme kurang mengamalkan teori psikologi di dalam bilik darjah. Ini kerana antara teori yang mampu memastikan murid dapat belajar, mengingat dan seterusnya mengaplikasikan berkaitan tajuk yang dipelajarinya dalam bilik darjah. Musa, Ramli, Mohd Khairuddin dan Abindinhazir (2019) menyatakan persekitaran kelas, sekolah dan tempat tinggal juga merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan. Sebagai contoh, guru mengajar tajuk warna kepada pelajar autisme dengan menggunakan warna asas, sekunder dan tertiar. Kesannya, tahap penguasaan berkaitan warna akan menjadi semakin baik dan murid autisme ini menjadi lebih seronok untuk belajar.

HUBUNGAN

Hubungan antara pewarnaan dengan murid berkeperluan khas dapat menjadi signifikan dalam konteks pembelajaran. Beberapa aspek yang perlu dipertimbangkan termasuklah visual stimulation. Ini kerana pewarnaan yang bijak dapat memberikan rangsangan visual yang membantu menarik perhatian murid berkeperluan khas. Ini dapat memudahkan mereka untuk fokus pada bahan pembelajaran. Ramli, Rambeli, Rahmatullah, Mustafa dan Yassin (2021) teknik dalam pendekatan pendidikan seni dapat meningkatkan kefahaman artistik kepada faktor penerimaan yang lebih intelek. Ia dapat mewujudkan respons visual yang dapat mempengaruhi mood, perhatian dan kognitif. Selain itu, pemahaman konsep juga merupakan hubungan antara pewarnaan dengan murid berkeperluan khas. Ini kerana penggunaan warna dapat membantu membedakan konsep atau elemen penting dalam topik pembelajaran. Ini dapat bermanfaat bagi murid dengan keperluan pembelajaran atau autisme untuk memahami dan mengingat informasi dengan lebih baik. KPM komited untuk menambah bilangan MBK dalam model pendidikan inklusif serta meningkatkan kualiti keseluruhan seperti yang diperuntukkan (Amin & Yasin, 2016).

Seterusnya, hubungan antara pewarnaan dengan murid berkeperluan khas ialah mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif. Ini kerana pewarnaan dalam ruang kelas atau persekitaran pembelajaran dapat memberikan perasaan keselesaan dan aman, yang boleh memberi impak positif pada kesejahteraan emosi murid berkeperluan khas.

Menurut Ahmad, Noh, Adnan, Putih dan Ibrahim (2014), persekitaran pembelajaran juga boleh mempengaruhi tingkah laku dan interaksi sosial antara pelajar. Justeru, persekitaran pembelajaran seharusnya di rancang dan diurus dengan baik bagi membolehkan pelajar belajar dengan selesa, mengumpul maklumat pembelajaran secara aktif, menimba pengalaman yang bersesuaian, menilai pembelajaran sendiri dan membuat maklum balas terhadap pengalaman peribadi dalam pelbagai konteks. Ramli (2021) perubahan terhadap kurikulum dalam penilaian yang menekankan profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid. Di samping itu, memberi pemahaman yang jelas merupakan salah satu hubungan antara pewarnaan dengan murid berkeperluan khas. Hal ini kerana penggunaan kontras warna yang sesuai dapat membantu murid dengan kecacatan penglihatan atau masalah penglihatan untuk mengenal pasti objek, teks, atau grafik dengan lebih jelas. Malahan, maklumat dapat disampaikan dengan jelas. Ini kerana pewarnaan digunakan supaya dapat membezakan tugas atau arahan seterusnya memudahkan murid berkeperluan khas untuk memahami struktur atau urutan aktiviti. Meskipun pewarnaan boleh memberikan manfaat yang signifikan, ia tetap perlu diintegrasikan secara berimbang dan selaras dengan keperluan pelajar secara keseluruhan. Memahami keperluan individu dan mengkaji bagaimana pewarnaan dapat menyokong pembelajaran mereka adalah penting dalam merancang persekitaran pembelajaran yang inklusif dan efektif.



Rajah 3: Guru memantau murid yang sedang melaksanakan aktiviti mewarna di dalam bilik darjah. Sumber: Pengkaji

IMPLIKASI

Murid Berkeperluan Khas (MBK) bermaksud individu yang mengalami kecacatan dari segi penglihatan serta pendengaran yang menyukarkan mereka dalam proses pembelajaran. Murid autisme pula merujuk kepada murid yang suka hidup dalam dunianya sendiri. Ia akan memberi kesan kepada sosial, komunikasi dan tingkah laku seterusnya proses dalam melakukan pertuturan dengan orang lain akan terbantut. Ramli (2020 a) menyatakan objektif pembelajaran adalah untuk menunjukkan konsep identiti budaya tempatan untuk disesuaikan dengan ruang landskap sekolah. Oleh itu, pendidikan bagi murid MBK ini sangat penting untuk mendidik mereka ke arah yang lebih baik dan guru harus memainkan peranannya di dalam kelas untuk mencari strategi yang berkesan dalam mengajar mereka agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Antara kebaikan warna dalam kalangan murid autisme ialah untuk mewujudkan emosi ketenangan. Warna akan memberi kesan kepada murid autisme ini kerana warna mempunyai fungsinya yang tersendiri. Sebagai contoh, warna yang sejuk iaitu

biru dan hijau akan memberi ketenangan kepada pelajar dan ia akan menghilangkan rasa marah dalam diri murid autisme.

Sekolah khusus ini bukan setakat hanya untuk menimba ilmu semata-mata bahkan ia juga tempat untuk dijadikan terapi hidup kepada pelajar autisme. Terapi multisensori merupakan terapi yang mampu membantu dalam perkembangan dan peningkatan mental para pelajar autisme (Nordin, Miskam, Togimim, Zainal & 2020). Selain itu, penggunaan warna sebagai medium dalam pendidikan seni visual juga mampu pelajar autisme dalam mengenali informasi dan maklumat yang disampaikan oleh para guru. Menurut Irdiansyah dan Nawangsari (2021), kemampuan komunikasi oleh pelajar autisme mampu ditingkatkan dengan adanya simbol, warna dan visual yang menarik yang mampu memaksimumkan proses penerimaan informasi kepada para pelajar autisme. Disamping itu, penggunaan warna-warna yang menarik yang bersesuaian dengan tema yang dijalankan juga mempengaruhi penerimaan informasi kepada para pelajar autisme (Mahsan, 2021). Jika dilihat dari sudut lain, sistem pendidikan juga mampu memberikan impak kepada murid autisme dalam mempengaruhi kualiti hidup. Hal ini dapat dilihat apabila wujudnya pendidikan secara inklusif yang bukan sahaja membantu para pelajar autisme dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi secara dua hala tetapi juga membuka peluang pekerjaan kepada para pelajar autisme (Ghafar & Yasin, 2018). Selain itu, sistem pendidikan yang berkesan mampu untuk memupuk kemahiran kerjasama melalui aktiviti yang dilakukan sehingga menambahkan keyakinan kepada para pelajar autisme (Saiful Azam, 2017). Sistem pendidikan juga mampu memberikan kesan yang positif dari sudut peningkatan kemampuan menyelesaikan masalah kepada para pelajar autisme khususnya.

Menurut Kusumawati dan Surtikanti (2013), berpandangan bahawa pelajar autisme yang didedahkan dengan kaedah pembelajaran secara audio, visual atau taktikal memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengembangkan kemampuan kognitifnya. Pelajar berkeperluan khas terutamanya autisme akan memiliki keterampilan komunikasi dengan baik secara tidak langsung yang dapat mempengaruhi gaya hidup mereka menjadi lebih baik seperti mana manusia yang normal di sekitarnya (Rohman, Andajani, Sartimah & 2021). Kesimpulannya, sistem pendidikan MBK ini banyak memberi kebaikan kepada pelajar autisme melalui penggunaan warna dalam bilik darjah. Guru juga harus memainkan peranannya di dalam bilik darjah agar pelajar yang dihasilkan itu berkualiti. Oleh itu, pelajar autisme dapat membantu diri mereka untuk mendapat kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka mengurus diri, belajar dan berkomunikasi dengan orang lain seterusnya menjadi aset yang berharga untuk negara.



Rajah 4: Guru memantau murid di dalam bilik darjah.
Sumber: Pengkaji

KESIMPULAN

Pewarnaan dalam pendidikan terhadap murid berkeperluan khas seperti autisme perlu disesuaikan dengan keperluan individu, memastikan persekitaran yang menyokong dan menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai untuk memaksimumkan perkembangan mereka. Pentingnya pendekatan yang holistik, penyesuaian yang individu dan penyediaan sokongan yang berterusan untuk memastikan mereka dapat mengakses pembelajaran dengan efektif dan mencapai potensi maksimum mereka. Pewarnaan terhadap murid berkeperluan khas, termasuk mereka yang mengalami autisme, memerlukan pendekatan yang terperinci dan terfokus. Penyesuaian persekitaran pembelajaran, penggunaan kaedah komunikasi yang bersesuaian, memberikan sokongan emosional yang berterusan adalah penting untuk memastikan kejayaan dan kesejahteraan murid tersebut. Menurut Muhamad Firdaus Ramli, Abdul Aziz Zalay @ Zali, Ridzuan Hussin dan Nurazry Basiron (2019), seni visual mampu meningkatkan perasaan peserta OKU meneroka, bereksperimen dan membuat penciptaan. Pengalaman yang diterapkan mampu membina kreativiti, pemikiran kritis, berkomunikasi dan kerjasama dalam aktiviti seni visual.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Ts. Dr. Muhamad Firdaus, yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan artikel ini. Tidak lupa juga iaitu Nur Sarah Izzati telah banyak membantu dalam menyiapkan artikel ini. Begitu juga kepada pihak Sekolah Kebangsaan Bandar Jerantut kerana telah membenarkan penulis untuk melihat keadaan bilik darjah murid pendidikan khas serta membenarkan pengkaji untuk mengambil gambar untuk dijadikan sebagai bahan rujukan, juga kepada cikgu pendidikan khas iaitu yang telah memberi bantuan teknikal yang berharga. Jutaan kalungan kasih kepada papa, mama, kak, Jiha dan Farhan yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh saya menyediakan artikel ini.

RUJUKAN

- Ahmad, C. N. C., Noh, N. M., Adnan, M., Putih, M., & Ibrahim, M. H. (2014). Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap penyelesaian pengajaran dan pembelajaran. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*. https://www.researchgate.net/profile/CheNidzamCheAhmad/publication/294886469PENGARUH_PERS_EKITARAN_FIZIKAL_BILIK_DARJAH_TERHADAP_TAHAP_KESELESAAN_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN/links/56cb9c0508aee3cee5419155/PENGARUH-PERSEKITARAN-FIZIKAL-BILIK-DARJAH-TERHADAP-TAHAP-KESELESAAN-PENGAJARAN-DAN-PEMBELAJARAN.pdf
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, 5TH Edition (DSM-5)*, American Psychiatric Association <https://www.psychiatry.org/psychiatrists/practice/dsm>
- Amin, N. M., & Yasin, M. H. M. (2016). Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. In Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke (Vol. 6). https://www.researchgate.net/profile/MohdYasin/publication/299447306_Pelaksanaan_Program_Pendidikan_Inklusif_Murid_Berkeperluan_Khas_dalam_Pelan_Pembangunan_Pendidikan_Malaysia_2013_2015/links/56f87f5a08ae95e8b6d35ea0/PelaksanaanProgramPendidikanInklusifMuridBerkeperluanKhasdalamPelanPembangunan-Pendidikan-Malaysia-2013-2015.pdf
- Farhan, M., Hamil, S. M., Azmi, N. N., Roslid, N. U. J., Zainal, N. N., Kamaruddin, N. B., & Husin, M. R. (2020). Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Science (IJ-HuMaSS)*, 3(1), 1-10. <https://lamintang.org/journal/index.php/ij-humass/article/view/106/87>
- Fitriani, T. (2023). Pengaruh Media Lego Terhadap Kemampuan Mengenal Warna Pada Anak Autis Kelas Dasar II di UPT SLB Negeri 1 Bone. <http://eprints.unm.ac.id/34306/1/JURNAL%20Fitriani%20T.pdf>
- Friend, M., & IDEA. (2004). *Update Edition: Special Education*. New Jersey: Pearson Education, Inc. 2006. <https://www.scirp.org/journal/paperinformation?paperid=88167>

- Ghafar, A., & Yasin, M. (2018). Penggunaan Permainan Video Konsol WiiTM dalam Meningkatkan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Autism Spectrum Disorder (ASD). <https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Halim>, N. B. A., & Tahar, M. M. B. (2020). Fine Motor Skills Through Art Therapy: A Case Study. In International Conference on Special Education In South East Asia Region 10th Series 2020 (pp. 129-135). Redwhite Press. <https://series.gci.or.id/assets/papers/icsar-2020-2020-295.pdf>
- Hussein, H., Nachiappan, S., Masran, M. N., & Khasnan, S. S. M. (2020). Analisis pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah pendidikan khas masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(2), 34–47. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.2.4.2020>
- Irdiansyah, K., & Nawangsari, N. A. F. (2021). Pengaruh Penyesuaian Warna pada Picture Exchange Communication System (PECS) terhadap Kemampuan Working Memory pada Anak Autisme. *Psikodinamika-Jurnal Literasi Psikologi*, 1(1), 8–30. <https://doi.org/10.36636/psikodinamika.v1i1.561>
- Kauffman, J. M. & Hallahan, D. P. (2005) Special Education. New Jersey; Pearson Education, Inc.
- Klein-Horst, L. (2011). <http://www.enane.de/cont.htm>. Retrieved No November 24, 2011, from <http://222.enane.de/cont.htm>: <http://www.enane.de/cont.htm>
- Kusumawati, A., & Surtikanti M. Pd. (2013). Penanganan Kognitif Anak Down Syndrome Melalui Metode Kartu Warna Di TK Permata Bunda Surakarta Tahun Ajaran 2013/2014-UMS ETD-db. Ums.ac.id. <http://eprints.ums.ac.id/26696/1/COVER.pdf>
- Mahsan, I. P. (2021). Expression of art and visual communication among special needed students of visual arts education subjects in primary schools. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 41–54. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.1.4.2021>
- Martana, S. P., & Hafilda, H. (2021). Kriteria Ruang Sekolah Khusus Penyandang Autisme. *Waca Cipta Ruang*, 7(1), 18–26. <https://doi.org/10.34010/wcr.v7i1.4749>
- Mohamad, J., & Yaacob, N. R. N. (2013). Kajian tentang kepuasan bekerja dalam kalangan Guru-guru pendidikan khas (a study on job satisfaction among special Education teachers). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 103-115. http://apjee.usm.my/APJEE_28_2013/apjee28_2013_art7_103_115.pdf
- Muhamad Firdaus Ramli., Noor Alhusna Madzlan., Abdul Aziz Zalay Zali., & Ridzuan Hussin. (2020). COGNITIVE THERAPY TECHNIQUE OF PEOPLE WITH DISABILITIES THROUGH VISUAL ARTS EDUCATION APPROACH. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(2), 3952-3966.
- Muhamad Firdaus Ramli., Noor Alhusna Madzlan., Abdul Aziz Zalay@Zali., & Ridzuan Hussin. (2020). Cognitive Therapy Technique Of People With Disabilities Through Visual, Art Education Approach. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(2), 3952-3966. https://www.academia.edu/110436785/Cognitive_Therapy_Technique_of_People_with_Disabilities_Through_Visual_Arts_Education_Approach?uc-sb-sw=30340985
- Muhammad, K., & Mahmud, W. W. (2010). Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif Murid Autistik Di Sebuah Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. In *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI dan UPSI*. http://File.Upi.Edu/Direktori/PROCEEDING/UPIUPSI/2010/Book_3/PELAKSANAAN_PROGRAM_PENDIDIKAN_INKLUSIF_MURID_AUTISTIK_DI_SEBUAH_SEKOLAH_RENDAH_SATU_KAJIAN_KES.PDF
- Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 72-80. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2708>
- Nordin, S., Miskam, H., Togimin, S. H., & Zainal, M. S. (2020, July 23). The Use Of Snoezelen Box In Handling Challenging Behaviors Learning Disabilities Students In The Classroom. *Series.gci.or.id; Redwhite Press*. <https://doi.org/10.32698/GCS-04317>
- Raja Juanita, R. L. (2016). Mengharungi autisme. Dalam *Persatuan Pediatrik Malaysia* (Ed.) Pengasuhan positif. Petaling Jaya, Selangor: Sekretariat Pengasuhan Positif, 3, 1-56. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/2152/1582>
- Ramin Hajianfard., & Muhamad Firdaus Ramli. (2023). The Reflection of Peace and Violence in Visual Art Works of Malaysian Artists, *Peace Review*, DOI: 10.1080/10402659.2023.2188115
- Ramli, M, F.; Rambeli, N.; Rahmatulah, B, Mustafa, M, and Yassin, S. (2021). Development of Teachers in Visual Art Sketching Skills Approach in the Early Childhood Education Professionalism. *Review of International Geographical Education (RIGEO)*, 11 (5), 469-475. doi:10.48047/rigeo.11.05.48
- Ramli, M. F. (2019). Argumentasi Terhadap Pergerakan Fesyen Jalanan Tempatan. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2278>
- Ramli, M. F. (2020 a). Assigning Features and Experiences During the Physical Movement Control Conditions Throughout Pandemic COVID-19. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), i-iv. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.editorial.2020>

- Ramli, M. F. (2020 b). Addressing Experiencing Prior To Pre-Control of Physical Movement Affected by COVID-19 Pandemic Issue. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(1), i-iv. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPP/article/view/5497>
- Ramli, M. F. (2021). Debating Sensation of Studies During Restriction of Physical Progress Influenced by Coronavirus Disease (COVID-19). *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), i-v. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.editorial.2021>
- Ramli, M. F. (2022 a). Signifying The Continuity of Experience in Confronting the Realm of Visual Art. *KUPAS SENI*, 10, i-xi. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.editorial.2022>
- Ramli, M. F. (2022 b). Exploration of Unity in Dignifying Reviews of Visual Art. *KUPAS SENI*, 10, i-ix. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.editorial.2022>
- Ramli, M. F. (2023). Defining an Understanding of Art Issues from A Cross-Cultural Teaching Perspective. *KUPAS SENI*, 11(1), i-v. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.1.editorial.2023>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020 a). An exploration of thematic sketch through visual arts activities towards the preschool children. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(2), 132-143. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ/article/view/3920>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020 b). Ekplorasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 35-47. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3712>
- Ramli, M. F., Musa, R., Mohd Khairuddin, N. E., & Basiron, N. (2020). Cultural Sharing Through Visual Art Exhibition ‘Dalam Bingkai’ by JSRB-UPSI with FSRD-ISBI. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(2), 25-34. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.2.3.2020>
- Ramli, Muhamad Firdaus and Zalay @ Zali, Abdul Aziz and Basiron, Nurazry. (2019). *Pendekatan pendidikan seni visual terhadap terapi kognitif orang kurang upaya / Muhamad Firdaus Ramli...[et al.]*. In: e-proceedings Design Decoded 2019, 19 - 20 June 2019, Mangrove Tourism Complex, Sungai Merbok 08000 Sungai Petani, Kedah.
- Rohman, A. T., Andajani, S. J., & Sartinah, E. P. (2021). Pengembangan Panduan Parenting Berbasis Android Untuk Meningkatkan Komunikasi Verbal Anak Spektrum Autis. *GRAB KIDS: Journal of Special Education Need*, 1(2), 35-44. <https://doi.org/10.26740/gkjsen.v1i2.14030>
- Saiful Azam. (2017). Program Pendidikan Inklusif Bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia. *ResearchGate*. https://www.researchgate.net/publication/332521325_Program_Pendidikan_Inklusif_Bagi_Murid-Murid_Berkeperluan_Khas_di_Malaysia
- Vianis, Y. (2017). Meningkatkan Kemampuan Tempo Dalam Pembelajaran Seni Musik Siswa Dengan Autisme Menggunakan Pecs (Picture Exchange Communication System) (Single Subject Research Di Sekolah Khusus Daya Pelita Kasih, Jakarta Selatan) (Doctoral Dissertation, Universitas Negeri Jakarta). <http://repository.unj.ac.id/27640/1/SKRIPSI%20YEMIMA%20VIANIS.pdf>
- Zhang, Q., & Ramli, M. F. (2023). Aesthetic Education for Silver Hair: A Study of Chinese Elderly University Students’ Art Learning Needs. *Journal of Education and Educational Research*, 6(3), 47-50. <https://doi.org/10.54097/Ofv1m271>